

10 AUG 1999

Mahathir-Harun

DR MAHATHIR HAIRAN HARUN DIN BERUBAT DI AUSTRALIA

MELAKA, 10 Ogos (Bernama) -- PAS kini mempunyai seorang "bomoh" yang kononnya dapat mengubati segala penyakit tetapi apabila beliau sendiri jatuh sakit, dia mendapatkan rawatan di Australia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, nama "bomoh" itu ialah Harun Din, bekas pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang kini menjadi ahli jawatankuasa Pusat PAS.

Datuk Harun Din menimbulkan kontroversi baru-baru ini dengan berkata PAS akan membawa Perlis keluar daripada Malaysia jika parti itu berjaya menawan negeri itu pada pilihan raya umum akan datang.

Berucap di majlis pemimpin bersama rakyat di sini, hari ini. Dr Mahathir berkata Harun telah mendakwa bahawa beliau (Harun) boleh mengubati orang dengan meminum air jampinya.

"Tetapi apabila Harun Din sakit jantung, dia tak minum air jampinya tetapi berjumpa doktor di Australia," kata beliau.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan ke negeri-negeri untuk menjelaskan mengenai isu-isu semasa, menyoal tindakan Harun itu memandangkan bahawa negara mempunyai banyak pakar sakit jantung seperti di Institut Jantung Negara.

Dr Mahathir sendiri pernah menerima rawatan di situ.

"Apakah dia tak percaya dengan kecekapan doktor kita," kata Perdana Menteri kepada lebih 15,000 orang yang membanjiri sebuah padang di Tangga Batu di sini.

Secara berseloroh, beliau berkata kerajaan sanggup membayar RM1 juta kepada Harun untuk datang ke Melaka bagi "mengubati" penduduk negeri ini dengan air jampinya.

"Tak perlulah kerajaan berbelanja membina hospital," kata beliau.

Beliau berkata Harun dan pemimpin-pemimpin PAS lain tidak harus membohongi orang ramai dengan berkata bahawa mereka boleh membuat "itu dan ini."

--BERNAMA

ES MAI